

TAMTHILIYYAT PELAKU PEMBANGUNAN DALAM AL-QUR’AN: ANALISIS AYAT-AYAT BERKAITAN GOLONGAN INGKAR

**THE PARABLE OF DEVELOPMENT ACTORS IN THE QURAN:
AN ANALYSIS OF VERSES RELATED TO DENIERS**

Nurul Farhana Binti Yahaya ¹
Mohd Shukri Bin Hanapi ²

¹ Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi Mara Cawangan Perlis, 02600 Arau, Perlis.
(E-mail: nfarhanay@uitm.edu.my)

² Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang. (E-mail: hshukri@usm.my)

*Corresponding author: nfarhanay@uitm.edu.my

Article history

Received date : 12-5-2025
Revised date : 12-5-2025
Accepted date : 18-6-2025
Published date : 30-6-2025

To cite this document:

Yahaya, N. F., & Hanapi, M. S. (2025). Tamthiliyyat pelaku pembangunan dalam al-Qur'an: Analisis Ayat-ayat berkaitan golongan ingkar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 487 - 497.

Abstrak: Tamthiliyyat (*perumpamaan*) merupakan salah satu uslub *al-Qur'an*. Ia merupakan satu perbandingan dengan perkara lain untuk mencapai maksud yang tersendiri. Tamthiliyyat juga berfungsi sebagai panduan dan peringatan untuk manusia mengambil pengajaran. Selain itu, *al-Qur'an* juga banyak memperihalkan berkaitan manusia dalam bentuk tamthiliyyat. Manusia sebagai pelaku pembangunan yang berfungsi sebagai hamba dan khalifah Allah SWT amat penting untuk meneliti pengajaran yang terkandung dalam *al-Qur'an*. Peranan pelaku pembangunan amat penting untuk memiliki perwatakan yang terbaik dalam mengurus dan mentadbir aktiviti pembangunan. Terdapat beberapa isu yang melibatkan sikap manusia seperti pembaziran sumber alam, pecah amanah dan sebagainya. Ia berpunca daripada tidak menghayati dan memiliki perwatakan yang baik seperti dianjurkan oleh *al-Qur'an*. Berdasarkan isu tersebut, kertas kerja ini bertujuan mengkaji tamthiliyyat *al-Qur'an* berkaitan manusia dalam kategori golongan yang ingkar. Kertas kerja ini mempunyai dua objektif utama. Pertama, mengenal pasti konsep tamthiliyyat *al-Qur'an* berkaitan manusia yang ingkar; dan kedua, menganalisis tamthiliyyat yang dikenal pasti itu. Bagi memastikan tujuan ini tercapai, kertas kerja ini menggunakan kaedah *al-mawdu'iyy* dalam menganalisis ayat-ayat *al-Qur'an* yang terpilih. Hasil dapatan kajian memperihalkan manusia ingkar ini disamakan dengan haiwan ternakan, kera, anjing, labah-labah dan sebagainya.

Kata Kunci: tamthiliyyat, pelaku pembangunan, golongan ingkar

Abstract: Tamthiliyyat (*parables*) is one of the styles of the *Qur'an*. It is a comparison with other matters to achieve a specific purpose. Tamthiliyyat also serves as a guide and reminder for humans to take lessons. Additionally, the *Qur'an* also extensively describes humans in the form of parables. Humans, as agents of development who function as servants and vicegerents

of Allah SWT, are very important to study the teachings contained in the Qur'an. The role of development actors is crucial in possessing the best character to manage and administer development activities. There are several issues involving human attitudes such as the wastage of natural resources, breach of trust, and so on. It stems from not appreciating and embodying good character as recommended by the Qur'an. Based on this issue, this paper aims to study the Qur'anic parables related to humans in the category of the disobedient group. This paper has two main objectives. First, to identify the concept of Qur'anic parables related to disobedient humans; and second, to analyze the identified parables. To ensure this objective is achieved, this paper employs the al-mawdu'iyy method in analyzing the selected verses of the Qur'an. The findings of the study describe these disobedient humans as being compared to livestock, monkeys, dogs, spiders, and so on.

Keywords: the parables, development actor, the deniers

Pengenalan

Al-Qur'an merupakan kalam Allah SWT yang diturunkan kepada penghulu segala Nabi, iaitu Nabi Muhammad SAW melalui perantara Jibril AS secara berperingkat-peringkat selama 23 tahun selepas kenabian Baginda SAW. Ia merupakan mukjizat yang agung yang berfungsi sebagai petunjuk dan panduan sekalian umat. Al-Qur'an menjadi panduan hidup yang sempurna bagi mereka yang menjadikannya sebagai rujukan utama. Al-Qur'an juga mempunyai pelbagai *uslub* (gaya bahasa) yang hebat dan unik. Antaranya ialah *tamthiliyyat* (perumpamaan).

Tamthiliyyat dalam al-Qur'an mempunyai peranan yang besar dalam menyampaikan mesej daripada Allah SWT kepada manusia. Sesuai dengan kepentingan *tamthiliyyat*, maka ia mempunyai peranan yang penting dan utama kearah mendekatkan pemikiran manusia kepada suatu tanggungjawab yang perlu ditunaikan. Oleh yang demikian, apabila Allah SWT mendatangkan *tamthiliyyat* haiwan atau alam sekitar dalam al-Quran, maka sudah tentu ia memberikan informasi yang penting kepada manusia. Ini kerana manusia berfungsi sebagai hamba dan khalifah Allah SWT serta dibekalkan akal fikiran untuk berfikir dan meneroka kehidupan dunia ini. Antara contoh ayat *tamthiliyyat* al-Qur'an tentang manusia yang ingkar diumpamakan seperti haiwan ternakan dalam Surah al-Baqarah (2) yang bermaksud:

“Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalnya” (al-Baqarat, 2:171).

Oleh yang demikian, *tamthiliyyat* turut memperihalkan berkaitan perwatakan manusia dalam al-Qur'an. Ia meliputi perwatakan golongan yang taat, ingkar dan lalai. Ia digambarkan melalui *tamthiliyyat* yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya meneliti *tamthiliyyat* yang digunakan untuk golongan yang ingkar.

Sorotan Literatur

Tamthiliyyat manusia dalam al-Qur'an ada dibahaskan dalam beberapa kajian iaitu Sukki Othman dan Zulkifli Mohd Yusoff (2012) juga Hafni Bustami (2013) mengkaji berkaitan konsep *tamthiliyyat* ia merangkumi beberapa aspek iaitu definisi secara bahasa dan istilah, jenis-jenis *tamthiliyyat*, tujuan dan sebagainya. *Tamthiliyyat* ini merupakan sebuah *uslub* (gaya bahasa) al-Qur'an yang istimewa yang membuktikan ia adalah wahyu Allah SWT.

Selain itu, konsep *tamthiliyyat* juga dilihat daripada aspek tujuan penggunaan *tamthiliyyat* dalam al-Quran. Terdapat beberapa kajian yang berkaitan antaranya Mohd Sukki Othman (2011) yang membincangkan dengan mendalam tujuan *tamthiliyyat* iaitu dapat menjelaskan sesuatu yang kurang difahami dengan mendekatkan perkara tersebut dalam pemikiran seseorang. Selain itu, ia memberi dorongan untuk melakukan kebaikan dan sokongan untuk menjauhi sesuatu perkara yang tidak baik. Kajian yang mempunyai persamaan dengan Salwani Abdul Halim (2003) bahawa *tamthiliyyat* ini mampu memberi dorongan yang baik untuk melakukan kebaikan apabila didatangkan galakan yang membina motivasi manusia serta untuk memberi gambaran yang menarik dan ringkas serta mempunyai kesan yang mendalam dalam hati. Ia mampu memberi pengajaran yang baik dan kefahaman terutama dalam perkara yang melibatkan perkara-perkara ghaib. Selain itu, ia turut memberi pengajaran dan peringatan (Siti Nadirah Salim, 2010:40). Senada juga dengan Ahmad Ismail (2018) yang memperihalkan kepentingan *tamthiliyyat* kepada manusia iaitu mendekatkan kefahaman pembaca kepada ayat-ayat al-Qur'an, keindahan bahasa al-Qur'an akan mendorong manusia untuk gemar membacanya dan memudahkan manusia untuk memahami perkara yang tidak nampak dengan mata kasar. *Tamthiliyyat* juga digunakan dalam seni dakwah (Kuswati, 2021) yang mengkaji tentang penggunaan *tamthiliyyat* dalam berdakwah. *Tamthiliyyat* diyakini menjadikan manusia yang lebih berkualiti dalam menyampaikan dakwah serta berkomunikasi dengan berkesan. Kajian ini meneliti ayat 24-25 daripada surah Ibrahim (14) tentang *tamthiliyyat* pohon yang kuat sebagai simbolik kepada manusia yang berkualiti.

Metodologi

Kajian kertas kerja ini dibuat menggunakan kaedah kualitatif yang meneliti sumber daripada bahan primer iaitu al-Qur'an, kitab tafsir seperti Tafsir al-Tabari, Ibn Kathir, al-Qurtubi; manakala bahan sekunder pula iaitu artikel jurnal dan buku akademik. Ia dianalisis menggunakan kaedah tafsir al-Mawdu'iyy dengan meneliti tema manusia dalam al-Qur'an. Kaedah ini dilakukan dengan mengumpul ayat-ayat al-Qur'an berkaitan sesuatu tema atau tajuk sama ada tertumpu kepada sesbuah surah atau pelbagai surah dalam al-Qur'an (Muslim, 1997:16). Tema yang sama tersebut dikumpulkan yang berkaitan *tamthiliyyat* golongan ingkar, kemudian dianalisis menggunakan kitab-kitab tafsir yang muktabar. Justeru, kaedah analisis ini boleh difahami dengan lima langkah tersebut:

- i. Carian atau penelitian tema bagi setiap makna ayat-ayat al-Qur'an berkaitan perwatakan pelaku pembangunan berdasarkan *tamthiliyyat* al-Qur'an.
- ii. Mencari dan memahami *asbab al-nuzul* ayat-ayat yang berkaitan *tamthiliyyat* perwatakan pelaku pembangunan dalam al-Qur'an tentang golongan ingkar.
- iii. Setelah ayat-ayat berkaitan dikenal pasti, ayat-ayat tersebut ditafsirkan dengan menggunakan kitab-kitab tafsir yang *muktabar*.
- iv. Setelah merujuk kepada kitab tafsir, penyelidik menghubungkan maksud khusus ayat-ayat al-Qur'an dengan perwatakan pelaku pembangunan berdasarkan ayat-ayat *tamthiliyyat* dengan konteks semasa. Untuk itu, ia dirujuk kepada bahan-bahan atau dokumen-dokumen yang telah ditulis tentang pelaku pembangunan.
- v. Hasil analisis ayat-ayat berkaitan dibincangkan dan dirumuskan berkaitan *tamthiliyyat* perwatakan pelaku pembangunan yang terkandung dalam al-Qur'an khusus terhadap golongan ingkar.

Kaedah ini dipilih kerana kajian berkaitan al-Qur'an sangat sesuai dianalisis menggunakan kaedah tafsir *al-mawdu'iyy*.

Dapatkan dan Perbincangan

Secara umumnya, kajian ini merangkumi tiga tema utama. Perinciannya sebagaimana seperti berikut:

Manusia Sebagai Pelaku Pembangunan

Manusia dalam sebuah entiti pembangunan merupakan golongan yang diberikan tanggungjawab oleh Allah SWT, dikurniakan akal fikiran dan dimuliakan oleh Allah SWT (Muhsin Abdul al-Hamid, 1998:33). Dalam hal ini, manusia dibekalkan akal, roh dan fizikal yang mampu mentadbir dan memajukan alam ini. Justeru, manusia diajak untuk mendalami ilmu sebagai persediaan bagi melakukan pembangunan tersebut. Hal ini juga disebabkan manusia telah diperakui oleh Allah SWT bahawa manusia merupakan makhluk termulia (asyraf al-makhluqat) dan terbaik (ahsan al-khaliqin) (Abdul Jalil Borham, 2008:2).

Manusia selaku pelaku pembangunan berteraskan Islam (PBI) juga dicorakkan melalui fungsi yang dijalankan oleh manusia iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Manusia dalam PBI ini dilihat mempunyai perwatakan yang jelas akan matlamat akhir pembangunan dan kehidupan iaitu untuk mencapai redha Allah SWT dan berusaha memperoleh kejayaan yang hakiki (al-falah) (Abdul Rahim Mu'ti, 1998, Aidit Ghazali, 1990 & Abdul Rahman Ahmad, 2006). Selain itu, dalam konteks menguruskan sumber alam yang ada, manusia ini amat menjaga amanah dengan baik dan menguruskan sumber dengan penuh dedikasi (Kasim Mansur, 2008). Selanjutnya, perwatakan utama yang menjadi tunjang bagi manusia selaku pelaku pembangunan ini adalah pegangan tauhid yang kukuh dalam merangka gerak kerja pembangunan.

Secara lebih komprehensif lagi, maksud pelaku pembangunan yang dikemukakan oleh Muhammad Syukri Salleh (2003:15) ialah manusia sebagai pelaku pembangunan itu mempunyai tanggungjawab kepada tiga perkara iaitu pertama, hubungan dengan Allah SWT sebagai Pencipta dan manusia sebagai hamba; kedua, hubungan manusia sesama manusia dalam konteks sebagai khalifah Allah SWT; ketiga, hubungan manusia dengan alam semesta. Sebagai pelaku pembangunan, setiap tindakan manusia itu dikira ibadah kerana manusia melakukannya dengan penuh rasa tanggungjawab atau taklifan daripada Allah SWT untuk memakmurkan bumi Allah SWT ini.

Perincian manusia secara lahiriahnya, manusia mempunyai dua roh; Pertama, roh al-hayah merupakan nyawa yang dimiliki oleh setiap makhluk yang hidup; Kedua, dan merupakan roh yang lebih penting dari roh al-hayah ialah roh al-tamayyiz kerana roh al-tamayyiz yang menjadi saksi di alam roh bahawa Allah SWT adalah Tuhan dan manusia adalah hambaNya. Roh al-tamayyiz jugalah yang akan kembali menghadap Allah SWT untuk dihisab dan diadili, sama ada menerima ganjaran baik (syurga) atau ganjaran jahat (neraka) di akhirat kelak. Dalam menghadapi hidup di dunia, roh al-tamayyiz memainkan peranan yang sangat penting. Ia dipanggil aqal apabila berfikir, dipanggil qalbu atau hati apabila berperasaan dan dipanggil nafsu apabila berkeinginan atau berkehendak.

Selanjutnya, situasi tinggi atau rendahnya iman tersebut ialah bergantung kepada peringkat-peringkatnya. Menurut para ulamak, terdapat lima tingkat iman, iaitu iman taqlid, iman ilmu, iman ayan, iman haq dan iman haqqat. Tingkat paling rendah ialah iman taqlid (iman orang yang menurut tanpa ilmu). Diikuti dengan iman ilmu (iman orang-orang yang ada ilmu). Kedua-dua iman ini dikira rendah dan tidak mampu menjadi pemerintah diri sendiri. Kemudian, untuk

menjadikan qalbu sebagai pemerintah diri, manusia mesti mempunyai sekurang-kurangnya iman ayan, atau lebih baik lagi ialah iman yang lebih tinggi seperti iman haq dan iman haqiqat.

Iman pula berkait rapat dengan nafsu. Apabila iman dalam keadaan baik, nafsu akan mengikuti kebaikannya. Nafsu mempunyai tujuh peringkat, iaitu nafsu ammarah, nafsu lawwamah, nafsu mulhamah, nafsu mutmainnah, nafsu radhiyah, nafsu mardhiyyah dan nafsu kamilah. Nafsu ammarah, lawwamah dan mulhamah dikira nafsu yang jahat, manakala nafsu mutmainnah, radhiyah, mardhiyyah dan kamilah adalah nafsu yang baik dan mendorong kebaikan.

Perkaitan nafsu dan iman ini seperti berikut, apabila iman di peringkat taqlid dan ilmu, maka nafsunya mestilah di peringkat ammarah, lawwamah atau mulhamah. Manakala, apabila imannya di peringkat ayan, haq dan haqiqat, maka nafsunya mestilah di peringkat mutmainnah, radhiyah, mardhiyyah atau kamilah. Nafsu jahat mengambil alih takhta pemerintah diri dari qalbu apabila iman jatuh kepada iman yang rendah dan nafsu jatuh kepada nafsu yang jahat.

Semua aspek ini memberi kesan kepada jasad, walaupun ia hanyalah merupakan sarung kepada manusia. Kesan ini boleh diperhatikan pada tujuh anggota lahir manusia yang merangkumi mata, telinga, mulut, tangan, perut, kemaluan dan kaki. Hal sedemikian menjadi sebab semua anggota lahir ini perlu dijaga.

Dengan itu pelaku pembangunan tidak boleh dianggap hanya sebagai manusia pengeluar atau pengguna yang mengambil kira hanya kekuatan fizikal, akal, kemahiran dan perkara yang fizikal. Aktiviti pengeluaran dan kepenggunaan hanyalah sebahagian dari alat atau cara manusia membuktikan ketaatannya kepada Allah SWT dan alat memenuhi keperluan hidupnya sebagai manusia biasa. Apa jua aktiviti dan perbuatan, status manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT mesti diaplikasikan untuk menjadi pelaku pembangunan dapat menghasilkan pembangunan yang diredhai Allah SWT.

Definisi *Tamthiliyyat*

Tamthiliyyat bermaksud perumpamaan-perumpamaan yang merupakan ungkapanan kata-kata yang jelas, ringkas dan padat serta penuh hikmah untuk diterima dan difahami. Menurut bahasa, ia berasal daripada perkataan Arab iaitu jamak perkataan mathal, mithil, mathil yang mempunyai maksud yang sama dengan syabah, syibh dan syabih yang bermakna sama, serupa, seperti, sebagaimana dan seumpama (Ibrahim Madhkur, 1985:888). Menurut Ibn Manzur (1995) pula *tamthiliyyat* sebagai sesuatu yang dibandingkan dengan sesuatu yang seumpama dengannya. Selain itu, ia juga dikatakan dengan maksud lain iaitu tanda dan pengajaran.

Manna' al-Qattan (1973) menyatakan *tamthiliyyat* al-Qur'an bukan sahaja semata-mata makna bahasa yang mempunyai maksud yang sama. Ia juga meliputi maksud susunan ayat yang dapat memberi makna yang dapat melahirkan makna serta gambaran yang menarik, ringkas dan padat.

Tamthiliyyat Pelaku Pembangunan

Konsep *tamthiliyyat* berkaitan manusia yang terkandung dalam al-Qur'an mempunyai beberapa karya yang ditemui. *Tamthiliyyat* yang disebut oleh Mokhtar Petah (1995) bahawa manusia sering dikaitkan dengan perwatakan seperti haiwan. Ini kerana terdapat banyak ayat-ayat dalam al-Qur'an memberi perumpamaan yang negatif dan dikaitkan dengan realiti kehidupan manusia. Sebagai contoh *tamthiliyyat* lembu dikatakan perwatakan manusia yang bodoh kerana manusia kini tidak mempunyai akal yang waras dalam melakukan sesuatu perkara. Walau

bagaimanapun, sedikit berbeza dengan penelitian berkaitan serangga dalam al-Qur'an. Ia tidak dikaitkan *tamthiliyyat*, bahkan hanya sekadar penjelasan tentang serangga dan hikmah penciptaan (Mohamed Salleh, 1992).

Selanjutnya, terdapat juga karya yang menonjolkan tujuan *tamthiliyyat* dalam al-Qur'an. Ia dikaitkan dengan manusia dan dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu manusia yang beriman, kafir dan munafik. Antaranya, bagi orang yang beriman ia sebagai panduan dan pedoman jalan kebaikan dan kebajikan. Berbeza tujuan *tamthiliyyat* terhadap golongan kafir dan munafik iaitu memperbodohkan impian orang kafir dan kejumudan pemikiran mereka (Azhar Muhammad, 2008: 88-100).

Seterusnya, karya yang membincangkan *tamthiliyyat* dalam al-Qur'an secara menyeluruh seperti *tamthiliyyat* keadaan manusia pada Hari Kiamat, *tamthiliyyat* orang munafik, *tamthiliyyat* golongan kafir, tamthiliyyat kehidupan dunia dan sebagainya (Fuad Kauma, 2000). Hujah *tamthiliyyat* tersebut dikuatkan dengan mendatangkan hadis-hadis yang berkaitan. *Tamthiliyyat* yang diketengahkan tidak jauh beza dengan karya Abu Sodiq (1992); Mustofa Abdul Qodir (2000); Azhar Muhammad (2008); dan Zainal Abidin Mohamad & Muhd Najib Abdul Kadir (2009).

Oleh itu, *tamthiliyyat* al-Qur'an yang membincangkan berkaitan manusia memberi pengajaran dan iktibar untuk diamalkan dan dijauhkan. Ini kerana, tujuan al-Qur'an diturunkan adalah sebagai panduan hidup manusia dalam mengurus alam. Terdapat perkara-perkara yang perlu dijauhkan apabila Allah SWT memberi inzar dengan mendatangkan *tamthiliyyat* terhadap golongan kafir dan munafik.

Analisis Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, *tamthiliyyat* manusia terdiri daripada golongan taat, ingkar dan lalai. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya meneliti dan menganalisis ayat-ayat berkaitan golongan ingkar sahaja. Al-Qur'an memperihalkan perwatakan golongan ingkar ini dengan beberapa haiwan seperti anjing, keldai, haiwan ternakan dan labah-labah. Perincian analisis seperti berikut:

Tamthiliyyat Manusia Seperti Keldai

Perwatakan pelaku pembangunan yang diumpamakan seperti keldai ini didapati dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

"Perumpamaan orang-orang yang dipikulkan kepadanya Taurat, kemudian mereka tiada memikulnya adalah seperti keledai yang membawa kitab-kitab tebal. Amatlah buruk perumpamaan kaum yang mendustakan ayat-ayat Allah itu. Dan Allah tiada memberi petunjuk kepada kaum yang zalim"

(al-Jumu'ah, 62:5).

Menurut al-Zamakhshari dalam Tafsir al-Kashaf, orang Yahudi membaca dan menghafal isi kandungan Taurat tetapi mereka tidak beramal dan tidak mengambil manfaat daripada ayat-ayat tersebut, justeru mereka tidak beriman dengan Rasulullah SAW walaupun kenabian Baginda SAW juga termaktub dalam Kitab Taurat. Oleh sebab itu, mereka telah diumpamakan dengan keldai yang memikul kitab-kitab yang besar di atas belakangnya tetapi keldai itu tidak boleh mengambil manfaat daripada kitab-kitab tersebut, sebaliknya ia hanya berasa letih dan

penat sahaja. Allah juga menyamakan mereka dengan keldai yang membawa kitab, namun keldai tidak faham terhadap apa yang ia bawa dan pikul (al-Zuhayli, 1998).

Dalam konteks pelaku pembangunan pula, ia dilihat suatu perkara yang sia-sia apabila seseorang mempunyai ilmu pengetahuan, akan tetapi tidak diamalkan malahan bertindak tanpa ilmu. Oleh itu, perwatakan ini tidak perlu ada sebagai pelaku pembangunan.

Tamthiliyyat Manusia Seperti Anjing

Dalam al-Quran ada beberapa jenis binatang yang sifat-sifatnya terdapat dalam diri manusia antaranya ialah anjing. *Tamthiliyyat* golongan kafir dikaitkan dengan anjing kerana ia sangat tunduk, patuh dan setia kepada sesiapa sahaja yang memberikan makan dan minum, meskipun dia seorang penjahat. Manusia yang seperti anjing tidak mahu tunduk kepada ayat-ayat al-Qur'an yang telah diturunkan, dihalau atau tidak ia tetap akan menjulurkan lidahnya.

Sebagaimana Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan kalau Kami menghendaki, sesungguhnya Kami tinggikan (darjat)-nya dengan ayat-ayat itu, tetapi dia cenderung kepada dunia dan menurutkan hawa nafsunya yang rendah, maka perumpamaannya seperti anjing jika kamu menghalauinya diulurkannya lidahnya dan jika kamu membiarkannya dia mengulurkan lidahnya (juga). Demikian itulah perumpamaan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Maka ceritakanlah (kepada mereka) kisah-kisah itu agar mereka berfikir”

(al-A'raf, 7:176).

Dalam ayat ini, Allah SWT mengumpamakan orang kafir yang sentiasa mendustakan ayat-ayat Allah SWT dan bertuhankan hawa nafsu. Ia juga memberi pengajaran kepada manusia yang menolak hidayah Allah SWT. Mereka hanya mementing kehendak nafsu dan sentiasa gelisah apabila keinginan tidak dipenuhi (al-Sha'rawi: 1991).

Justeru, manusia bersifat seperti anjing ini amat bahaya. Ini kerana, panduan dan dasar hidup manusia selaku hamba dan khalifah Allah SWT adalah al-Qur'an. Apabila manusia yang terlibat dalam pembangunan memiliki perwatakan begini ia akan tunduk dan patuh kepada perkara lain selain Allah SWT.

Selain itu, golongan kafir ini juga diumpakan dengan haiwan peliharaan. Sebagaimana firman Allah SWT:

“Dan bandingan (orang yang menyeru) orang kafir, samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat mendengar selain dari suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalnya”

(al-Baqarah, 2:171).

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT menyamakan orang kafir dengan haiwan ternakan. Jelas, martabat orang kafir lebih hina daripada haiwan ternakan yang tidak dikurniakan akal fikiran. Apabila diseur untuk kenal Allah SWT, mereka mengendahkan seruan tersebut. selanjutnya, Allah SWT menganggap orang kafir itu pekak, buta dan bisu (al-Jalalain, t.th: 25).

Dalam konteks pembangunan, manusia sebagai pelakunya perlu menjauhi perwatakan seperti haiwan peliharaan ini. Allah SWT mengurniakan akal fikiran dan panca indera untuk digunakan bagi memahami dan mendalami ayat-ayat Allah SWT yang merupakan pedoman hidup. Ia bertepatan dengan fungsi manusia selaku pelaku pembangunan berteraskan Islam.

Tamthiliyyat Manusia Seperti Haiwan Peliharaan

Kebanyakan manusia itu diazab di neraka Jahanam disebabkan akal dan perasaan mereka tidak digunakan untuk memahami keesaan dan kebesaran Allah SWT. Sedangkan kepercayaan itu yang akan membersihkan jiwa mereka dari segala was-was dan kehinaan serta kerendahan.

Ramai manusia yang mengaku beriman, tetapi sebenarnya lalai dan lupa dengan kepercayaan sepenuhnya pada hari Akhirat. Mereka hanya menggunakan akal untuk menanam saham dunia tanpa sedikit pun membaja benih akhirat dalam setiap perbuatan dan pekerjaan. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Mereka hanya mengetahui yang zahir dari kehidupan dunia, sedang tentang kehidupan akhirat adalah lalai”

(ar-Rum, 30:7).

Manusia tidak memahami bahawa tujuan hidup sebenar manusia adalah untuk beribadah kepada-Nya dan melaburkan saham Akhirat sebanyak mungkin sebagai persediaan. Mereka tidak mengetahui bahawa tujuan Allah memerintahkan mereka menjauhi kemaksiatan dan dosa serta mendorong melakukan amal adalah untuk dua kebahagiaan dunia dan akhirat. Mereka membutakan hati dan mata, memekakkan telinga dengan segala macam kebaikan dan petunjuk yang datang kepada mereka. Ini selari dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan sungguh, akan Kami isi neraka jahanam banyak dari kalangan jin dan manusia. Mereka memiliki hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka memiliki mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengarkan, (ayat-ayat Allah). Mereka seperti hewan ternak, bahkan lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lengah”

(al-A'raf, 7:179).

Dalam konteks pembangunan, manusia sebagai pelakunya perlu menjauhi perwatakan seperti haiwan peliharaan ini. Allah SWT mengurniakan akal fikiran dan panca indera untuk digunakan bagi memahami dan mendalami ayat-ayat Allah SWT yang merupakan pedoman hidup. Ia bertepatan dengan fungsi manusia selaku pelaku pembangunan berteraskan Islam.

Tamthiliyyat Manusia Seperti Labah-labah

Manusia yang memohon perlindungan kepada selain Allah SWT diibaratkan seperti labah-labah kerana ia membentengi dirinya dengan bangunan-bangunan yang disangkakan canggih, bahkan ada yang melindungi dirinya dengan syaitan dengan jampi-jampi, azimat, penangkal dan lain sebagainya selain daripada Allah SWT. Ia bertepatan sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain Allah adalah seperti labah-labah yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah adalah rumah labah-labah kalau mereka mengetahui”

(al-Ankabut, 29:41).

Manusia yang berharap kepada pelindung-pelindung selain Allah SWT ini mendapatkan kekuatan, kemanfaatan, menjauhkan kemudarat dan keselamatan daripada unsur yang seperti benda mati (keramat, batu, logam dan sebagainya), perkara yang besar (gunung, petir, matahari, dan sebagainya), haiwan, manusia dan jin.

Mereka lupa bahawa semua yang ada di alam semesta ini selalu bertasbih, bertahmid, sujud hanya kepada Allah SWT yang Maha Kaya. Ia merupakan perkara yang sia-sia dan tidak berfaedah apabila mengambil perkara lain sebagai pelindung tanpa berpegang teguh kepada Allah SWT.

Kesimpulan

Penggunaan *tamthiliyyat* al-Qur'an berkaitan manusia bertujuan untuk memberi pedoman dan pengajaran berkaitan tingkahlaku dan membentuk perwatakan yang baik dan beriman. *Tamthiliyyat* golongan ingkar diketengahkan untuk memberi panduan agar manusia yang terlibat dalam pembangunan perlu menjauhinya. Oleh yang demikian, manusia dapat menjalankan fungsi dengan baik selaku hamba dan khalifah Allah SWT.

Tamthiliyyat merupakan salah satu uslub al-Qur'an yang unik dan istimewa. Perkaitan yang disampaikan tersebut amat dekat dengan realiti kehidupan manusia. Hanya manusia yang beriman akan mengambil al-Qur'an sebagai panduan dalam hidup. Al-Qur'an yang disediakan oleh Allah SWT sebagai manual kehidupan manusia sejak 1400 tahun dahulu. Namun, kemukjizatan al-Qur'an itu tidak pernah berubah malahan semakin jelas jika dikaji oleh manusia yang berakal.

Justeru itu, implikasi kajian ini berhasil memberi input dan menambahkan pengetahuan dalam aspek pelaku pembangunan yang menjadi salah satu prinsip Pembangunan Berteraskan Islam. Hal ini dapat dilihat sebagaimana perbincangan pelaku pembangunan yang perlu memiliki perwatakan khusus untuk menjalani aktiviti pembangunan. Perwatakan yang diambil daripada al-Qur'an yang menjadi panduan manusia lebih mendalam lagi apabila ia berdasarkan salah satu *uslub* al-Qur'an iaitu *tamthiliyyat*. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh diperkembangkan lagi dengan meneliti aspek perwatakan golongan taat dan munafik pula.

Rujukan

- Abdul al-Hamid, M. (1998). *Islam dan pembangunan sosial*. Selangor: Thinker's Library Sdn.Bhd.
- Abu Bakar, M. S. (1995). *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi Dan Bidang Berkaitan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Ismail. (2018). *Pentingnya Perubahasa Al-Qur'an: Satu Kajian*. Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Qur'an And Hadith 2018 (THIQAH 2018). (30-45). ILIM, Bangi, Selangor.
- Ahmad, A. R. (2006). *Pembangunan modal insan: apa dan kenapa perlu dalam konteks organisasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Human Resources Academy.
- Ahmad, S. (1990). "Fungsi dan Peranan Islam Dalam Pembangunan Ummah: Antara Harapan dan Kenyataan", dlm Muhammad Syukri Salleh (ed.), *Konsep dan pelaksanaan pembangunan berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ali, M. (2013). Fungsi perumpamaan dalam al-Qur'an. *Jurnal Tarbawiya*. Vol 10 No.2,2013.
- Ali, S. H. (1976). *Apa Erti Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Khalidiy, S. 'A. F. (2001). *Al-Tafsir al-Mawdu'iyy Bayn al-Nazariyyat wa al-Tatbiq Dirasat Nazariyyat wa Tatbiqiyyat Murafaqat bi Namazij wa Lata'if al-Tafsir*. 'Amman, Jordan: Dar al-Nafa'is
- Al-Qattan, M. K. (1973). *Studi ilmu-ilmu al-Qur'an, terj*. Mudzakir. Jakarta: Pustaka Litera.
- al-Zamakhshari, M. 'A. (t.th), *Tafsir al-Kashshaf 'an Haqaiq Ghawamid al-Tanzil*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Arabi
- Borham, A. J. (2008). *Asas pembangunan modal insan*. Pahang: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Chapra, U. (2001). *Masa Depan Ilmu Ekonomi Sebuah Tinjauan Islam*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Ghazali, A. (1990). *Development an Islamic Perspective*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Hafni Bustami. (2013). Ayat-ayat tamthil al-Qur'an. *Jurnal Al-Ta'lim*. 1(4), hlm. 285-298.
- Hamat, M. F. et al (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan di Malaysia. *Jurnal al-Tamadun*. Bil. 7(1) 2012, 75-89. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hanapi, M. S. (2012). *Tasawur Pembangunan Dalam al-Qur'an: Kajian Tafsir al-Mawdu'iyy*. Tesis Sarjana Pengurusan Pembangunan Islam yang diserahkan kepada Fakulti Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Hasan, S. K. dan Ahmad, S. (2005). *Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, M. K. (1990). "Pembangunan Yang Berteraskan Islam", dlm Muhammad Syukri Salleh (ed.), *Konsep dan pelaksanaan pembangunan berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad. (1990). *Lisan al-'Arab*. Beirut :Dar al-Sadir.
- Ibnu Manzur, M. I. M.. (1999). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- Ibnu Qayyim, A. J. (1981). *al-Amthal Fi al-Qur'an al-Karim*. Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Ismail, R. (1996). *Modal Manusia dan Perolehan Buruh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuswati. (2021). Amthal al-Qur'an dalam dakwah: Aktualisasi manusia berkualitas berdasarkan Surah Ibrahim: 24-25. *Jurnal Studi Agama Dan Pemikiran Islam*, 2(12): 331-345.
- Mansur, K. (2009). *Pembentukan Modal Insan Cemerlang: Pendekatan Ekonomi Islam*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

- Md Nain, A. S. & Md Yusoff, R. (2003). *Konsep, teori, dimensi dan isu pembangunan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Hassan, I. (1988). *Ekonomi Dari Kacamata Islam*. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Mohd Jar, M. (1986). "Konsep Manusia dari Perspektif Barat dan Islam", dlm Wan Hashim dan Mahayudin Yahaya (Ed), *Sains Sosial Dari Perspektif Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad, A. (2008). *Perumpamaan al-Qur'an*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Said, A. M. (2007). "Pembangunan Modal Insan: Konsep, Perkembangan, Cabaran dan Implikasi", dlm Khalidah Salekan dan Ahmad Mohamad Said (Ed), *Pembangunan Insan: Aspirasi dan Realiti*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah.
- Salleh, M. S. (1990). "Pembangunan Untuk Manusia Atau Manusia Untuk Pembangunan: Analisis Tentang Manusia dalam Pembangunan Berteraskan Islam", dlm Muhammad Syukri Salleh (ed.), *Konsep dan pelaksanaan pembangunan berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Salleh, M. S. (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Salleh, M. S. (2013). Philosophical Foundations Of Islamic Development: Khurshid Ahmad's Conception Revisited. *Jurnal International Journal of Education and Research* 7.
- Siti Nadirah Salim. (2010). *Perumpamaan dalam al-Qur'an: Kajian terhadap ayat-ayat amthal berkaitan unsur-unsur alam*. (Disertasi sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Soed, S. & Zakaria, M. N. (2005). *Asas-asas Ekonomi*. Pahang: PTS Profesional
- Sukki Othman dan Zulkifli Mohd Yusoff. (2012). Perumpamaan Serangga Dalam Al-Qur'an: Analisis I'Jaz. *Centre of Quranic Research International Journal*, (2).1.
- T.Gilarso (2003). *Pengantar Ekonomi Mikro*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Todaro, M. P. (1978). *Economic Development in the Third World: An Introduction to the problems and policies in a global perspectives*. London and New York: Longman.
- Yusof, A. A. (2012). *Pembangunan Holistik Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yussof, I. & Osman, Z. (2008). "Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Perspektif Ekonomi", dlm Yahaya Ibrahim (eds), *Pembangunan Modal Insan Isu dan Cabaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.